

**Malaysia Negara Ke-3 Di Asia Ratifikasi Konvensyen Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja ILO**  
**Bernama**  
**09 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia merupakan negara ketiga di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan meratifikasi Konvensyen Mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa)(ILO) atau lebih dikenali C187, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata kesungguhan menandatangani C187 bersama ILO jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat bekerja terjamin.

"Kita mampu memenuhi standard keselamatan yang ditetapkan badan antarabangsa itu. Ia juga merupakan komitmen kerajaan memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di negara ini sentiasa terjamin," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2012 Peringkat Kebangsaan, di sini Isnin.

Pada 7 Jun lepas, Malaysia mengesahkan Konvensyen ILO mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk menyertai negara maju yang mementingkan langkah untuk menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Sejajar dengan pengesahan itu, Malaysia juga bersetuju diawasi ILO dalam perkara berkaitan langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan memenuhi standardnya yang tinggi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679225>